

Kata Kampus

Oleh **PROF. MADYA DR.
MOHAMED ALI HANIFFA**

SAMBUTAN Hari Sambutan Hari Kebangsaan lebih bermakna dengan pengibaran Jalur Gemilang. Bendera adalah lambang kedaulatan sesebuah negara. Ia berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah, bangsa, agama dan ibu pertiwi.

Bendera juga merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kewarganegaraan bagi sesebuah negara.

Pengibaran Jalur Gemilang menjadi simbol pengorbanan, kebebasan dan kebanggaan rakyat Malaysia serta menyemarakkan semangat patriotik.

Sempena sambutan Bulan Kebangsaan, sejarah di sebalik berkibarnya bendera kebangsaan wajar diteliti.

Penciptaan bendera Persekutuan Tanah Melayu diilhamkan melalui satu pertandingan mereka cipta bendera peringkat kebangsaan pada Mei 1948.

Sebanyak 373 reka bentuk diterima sebelum tiga reka bentuk dipilih ke peringkat akhir. Rakyat turut diberikan peluang untuk membuat pemilihan melalui pos.

Pendapat umum yang dikeluarkan oleh akhbar The Malay Mail menyaksikan reka bentuk ciptaan Mohamed bin Hamzah mendapat majoriti undi dan dipilih sebagai pemenang.

Reka bentuk tersebut melalui beberapa pindaan sebelum mendapat perkenan Majlis Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950.

Seterusnya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 19 April 1950. Bendera tersebut dikibarkan buat kali pertama pada 26 Mei 1950 di hadapan Istana Sultan Selangor, Kuala Lumpur.

Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan secara rasmi pada 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor sempena pengisytiharan kemerdekaan.

Lagu patriotik bertajuk 'Jalur Gemilang' dicipta oleh Datuk Suhaimi Mohd. Zain dengan lirik oleh Syed Indera Syed Omar.

Lagu ini mengandungi Jalur Gemilang sebagai simbol perpaduan, kedaulatan dan semangat patriotik rakyat Malaysia.

Pada tahun 1995, Datuk Hashim Mat Dris mencetuskan idea untuk memberikan nama rasmi kepada bendera Malaysia. Dalam mesyuarat pada 2 Jun 1997, sebanyak 28 cadangan nama dipertimbangkan.

Setelah membuat penelitian, mesyuarat bersetuju memilih tiga nama mengikut keutamaan seperti 'Jalur Gemilang', 'Jalur Nusa Gemilang', dan 'Jalur Sinar Gemilang'.

Apabila ketiga-tiga cadangan nama tersebut dibentangkan pada 9 Julai 1997, Jemaah Menteri bersetuju supaya Bendera Malaysia diberi nama 'Jalur Gemilang'.

Nama Jalur Gemilang diilhamkan oleh Md. Rebusan @ Md. Redzuan Tumin iaitu pegawai daripada Jabatan Muzium Negara dan Antikuiti.

Pada sambutan Hari Kemerdekaan ke-40, mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan nama bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Bendera boleh dikibarkan bagi menunjukkan semangat cinta akan negara

Jalur Gemilang lambang perpaduan dan patriotisme



SEMANGAT mengibarkan Jalur Gemilang tidak seharusnya terhad pada Hari Kemerdekaan sahaja. -- GAMBAR HIASAN

dan dikibarkan secara kreatif di tempat-tempat yang bersesuaian.

Sebelum mengibarkan bendera, faktor tempat, masa, saiz bendera, tiang dan susunan bendera sekiranya lebih daripada satu jenis bendera perlu diketahui.

Ini bagi mengelakkan kesalahan protokol ketika mengibarkannya. Jalur Gemilang perlu dikibarkan secara tertib sebagai lambang kebebasan dan kedaulatan negara sama ada ketika menaikkan atau menurunkan.

Setiap rakyat Malaysia berhak mengibarkan Jalur Gemilang dengan mematuhi arahan dan panduan yang ditetapkan. Penggunaannya hendaklah dilakukan dengan tertib dan penuh hormat sebagai lambang kedaulatan negara.

Penggunaan yang tidak wajar pula bertakluk kepada Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 (Akta 414).

Inisiatif Pusat Tanggungjawab, 1 Jalur Gemilang yang dilaksanakan dalam sektor kerajaan adalah untuk menterjemahkan rasa sayang dan bangga terhadap tanah air.

Institusi pendidikan juga adalah kompartmen paling berkesan untuk menerapkan semangat cinta akan tanah air.

Membangkitkan rasa cinta dan bangga terhadap negara dapat dilakukan oleh ibu bapa serta para pendidik yang boleh bertindak sebagai suri teladan.

Nyanyian lagu patriotik, puisi, pentomin dan pertunjukan pakaian tradisional adalah satu inisiatif yang baik. Namun pastikan penganyurannya memepati matlamat dan tidak menjajahi etika kenegaraan.

Sejarah di sebalik kewujudan Jalur Gemilang perlu disampaikan sejak di alam persekolahan.

Mahasiswa yang sedang bercuti semester boleh membantu komuniti dalam penganyuran pelbagai aktiviti yang bermanfaat. Libatkan diri dalam sesi wacana di peringkat komuniti secara bersemuka dan dalam talian.

Persatuan Sejarah di peringkat tempatan perlu membuka ruang kepada penganyuran forum, pengikisan tokoh dan pertandingan yang boleh mengakar patriotisme.

Usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk meningkatkan kepekaan generasi muda agar mereka menghargai dan menghayati erti sebenar kemerdekaan.

Semangat patriotik perlu berakar dan menjadi darah daging dalam mempertahankan kepentingan tanah air.

Jalur Gemilang sudah berkibar di segenap pelosok dunia sebagai lambang kedaulatan, perpaduan dan kebanggaan rakyat Malaysia.

Pengibaran Jalur Gemilang hendaklah bukan sekadar menjadi satu tradisi sempena sambutan Hari Kebangsaan, tetapi menjadi manifestasi kecintaan dan kesetiaan kepada negara.

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan peristiwa penting dalam sejarah tanah air. Peristiwa tersebut memerlukan pembinaan sebuah negara yang berdaulat dan bersatu.

Semangat patriotisme perlu terus dipupuk agar rakyat menghargai sejarah, perpaduan dan kedaulatan negara.

Memblina satu bangsa yang bersatu memerlukan pendekatan dan strategi secara holistik. Sebagai pasak keutuhan negara bangsa, perubahan persekitaran sosial yang berlaku hendaklah terarah kepada proses integrasi.

Ini seterusnya akan menjurus kepada pembinaan, pengukuran dan pemantapan perpaduan kaum.

PENULIS adalah Pensyarah Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kepujian, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.



JALUR GEMILANG perlu dikibarkan bagi menunjukkan semangat cinta akan tanah air. -- GAMBAR HIASAN